


**KEPERLUAN, KEGUNAAN DAN KEPUASAN  
PENGUNAAN PORTAL BERITA DALAM  
KALANGAN MASYARAKAT DI DAERAH KECIL  
MATUNGGONG KUDAT, SABAH**

**YENOMPIYAAH MABIN**



**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH  
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN  
KEPUJIAN (KOMUNIKASI)**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2022**

# UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : KEPERLUAN, KEGUNAAN DAN KEPUASAN PENGGUNAAN PORTAL BERITA DALAM KALANGAN MASYARAKAT DI DAERAH KECIL MATUNGGONG, KUDAT, SABAH

IJAZAH : IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN (KOMUNIKASI)

BIDANG : PERHUBUNGAN AWAM

Saya **YENOMPIYAAH MABIN**, Sesi **2019-2022**, mengaku membenarkan tesis Ijazah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.

4. Sila tandakan ( / ):

SULIT

( Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 972 )

TERHAD

( Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

*Yenompiyaaah mabin*

**YENOMPIYAAH MABIN**

**BA19110350**

Tarikh: 12 Ogos 2022

Disahkan oleh,

 ANITA BINTI ARSAD  
PUSTAKAWAN KANAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)



DR. AISAH MERI

Penyelia

## PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk Keperluan, Kegunaan dan Kepuasan Portal Berita Dalam Kalangan Masyarakat di Daerah Kecil Matunggong Kudat ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan segala nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

*Yenompiyaah mabin*

12 Ogos 2022

---

Yenompiyaah Mabin  
BA19110350



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana dengan berkatnya saya berjaya menyiapkan Latihan Ilmiah ini dengan jayanya.

Saya ingin memberikan memberikan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan ucapan terima kasih kepada Dr Aisah Meri selaku penyelia Latihan Ilmiah saya. Ini kerana beliau telah banyak memberi bantuan dan dorongan kepada saya sepanjang menyiapkan Latihan Ilmiah ini. Saya juga ingin memberi penghargaan yang tidak terhingga kepada keluarga saya terutamanya ibu bapa Mabin Bin Tarangon dan Anjilinah Rawa yang sentiasa berada di sisi saya tidak kira dalam keadaan suka atau duka, sentiasa membantu, memberi sokongan dan bimbingan serta menjaga keperluan saya sepanjang berada di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Selain itu, saya juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada barisan pensyarah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) yang telah memberi banyak tunjuk ajar sepanjang saya bergelar sebagai mahasiswi di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Seterusnya, tidak juga dilupakan rakan-rakan seperjuangan terutamanya Mohd Saffwan Bin Ajat kerana banyak membantu dari awal proses menjalankan kajian Latihan Ilmiah saya sehingga selesai. Saya sangat menghargai dan berterima kasih atas segala pertolongan yang pernah dilakukan oleh rakan-rakan saya sepanjang saya berada di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Saya juga tidak lupa untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua responden yang telah membantu saya dalam menjawab soal selidik saya.

Justeru itu, secara kesimpulannya saya mendoakan agar semua individu yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam membantu menyiapkan Latihan Ilmiah ini agar sentiasa diberkati dan dimurahkan rezeki.

Yenompiyaah Mabin  
9 Ogos 2022

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keperluan, kegunaan dan kepuasan penggunaan portal berita dalam kalangan masyarakat di daerah Kudat. Di antara objektif kajian ini adalah mengenalpasti keperluan yang mendorong penggunaan portal berita dalam kalangan masyarakat di Daerah Kecil Matunggong Kudat, mengenalpasti faktor kegunaan portal berita dalam kalangan masyarakat di Daerah Kecil Matunggong, Kudat dan mengenalpasti bentuk kepuasan diperoleh daripada pembacaan portal berita dalam kalangan masyarakat di Daerah Kecil Matunggong, Kudat. Hasil dari kajian ini mendapati bahawa keperluan yang paling ketara ialah keperluan kognitif. Kegunaan yang paling ketara pula ialah keperluan pembelajaran dan kepuasan yang paling ketara ialah kepuasan mudah.



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Kata Kunci: Portal berita, keperluan, kegunaan dan kepuasan

## **ABSTRACT**

### *THE NEEDS, USES AND SATISFACTION OF NEWS PORTALS AMONG COMMUNITY IN THE SUBDISTRICT OF MATUNGGONG KUDAT.*

*This study aims to examine the needs, uses and satisfaction of news portals among the community in Subdistrit of Matunggong Kudat. The are three objectives of this study whisch is to identify the needs that drive the uses of news portals among the community in Matunggong Kudat Subdistrict, identify the factors of news portals uses among the community in Matunggong, Kudat subdistrict. The results of this study found out that the most significant needs is cognitive needs while the most significant uses is the use of learning. For the most significant satisfaction is simple satisfaction.*



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

*Keywords: News Portals, needs, uses, satisfaction*

## ISI KANDUNGAN

	<b>HALAMAN</b>
<b>TAJUK</b>	
<b>PENGAKUAN</b>	i-ii
<b>PENGESAHAN</b>	
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b><i>ABSTRACT</i></b>	v
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	
<b>SENARAI JADUAL</b>	ix-xi
<b>SENARAI RAJAH/ FOTO</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii
<b>SENARAI SIMBOL</b>	xiv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.1 Pengenalan	1-2
1.2 Latar belakang kajian	2
1.3 Permasalahan kajian	3-5
1.4 Persoalan kajian	5
1.5 Objektif kajian	5
1.6 Kepentingan kajian	6
1.7 Skop kajian	7
1.8 Kesimpulan	8

## **BAB 2: TINJAUAN KAJIAN LEPAS**

2.1 Pengenalan	9
2.2 Sejarah Perkembangan Teori Kegunaan dan Kepuasan (U&G)	9-10
2.3 Tinjauan Kajian Lepas	10-13
2.4 Model Lajian	14
2.5 Pengkonsepan	15-22
2.6 Kesimpulan	22

## **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	23
3.2 Kaedah Kajian	23-24
3.3 Unit Analisis	24
3.4 Sampel Kajian	25-27
3.5 Teknik Persampelan	27
3.6 Tatacara Pengumpulan Data	28-29
3.7 Teknik Pengumpulan Data	29
3.8 Instrumen Kajian	30
3.9 Kaedah Menganalisis Data	31
3.10 Pengoperasian	32-36
3.11 Tinjauan Rintis	37-39
3.12 Kesimpulan	40



## **BAB 4: DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	41
4.2 Analisis terperinci (Bahagian A: Latar belakang responden)	41-44
4.3 Analisis terperinci (Bahagian B: Penggunaan portal berita secara umum dalam kalangan masyarakat di Daerah Kecil Matunggong Kudat)	45-48
4.4 Analisis terperinci (Bahagian c: Analisis persoalan kajian)	
4.4.1 Analisis keperluan penggunaan portal berita dalam kalangan masyarakat di Daerah Kecil Matunggong, Kudat	49-61
4.4.2 Analisis kegunaan penggunaan portal berita dalam kalangan masyarakat di Daerah Kecil Matunggong, Kudat	62-71
4.4.3 Analisis kepuasan penggunaan portal berita dalam kalangan masyarakat di Daerah Kecil Matunggong, Kudat	72-81
4.5 Rumusan	82

## **BAB 5: RUMUSAN**

5.1 Pengenalan	83
5.2 Perbincangan dapatan kajian	83-86
5.3 Implikasi kajian	87
5.4 Cadangan untuk kajian akan datang	87-88
5.5 Kesimpulan	88
5.6 Penutup	89
<b>RUJUKAN</b>	90-93
<b>LAMPIRAN</b>	94-98

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Halaman</b>
Jadual 3.1: Tatacara pengumpulan data	28-29
Jadual 3.2: Hasil analisis ujian kebolehpercayaan mengikut keperluan	38
Jadual 3.3: Hasil analisis ujian kebolehpercayaan mengikut kegunaan	38
Jadual 3.4: Hasil analisis ujian kebolehpercayaan mengikut kepuasan	39
Jadual 4.1: Bilangan responden mengikut jantina	41
Jadual 4.2: Bilangan responden mengikut umur	42
Jadual 4.3: Bilangan responden mengikut taraf pendidikan	43
Jadual 4.4: Bilangan responden mengikut pekerjaan	44
Jadual 4.5: Purata pembacaan portal berita masyarakat di Daerah Kecil Matunggong, Kudat dalam seminggu	45
Jadual 4.6: Purata masa setiap kali membaca portal berita	45
Jadual 4.7: Bahasa Utama Portal berita yang dibaca oleh masyarakat daerah Kudat mengikut kekerapan.	46
Jadual 4.8: Portal Berita yang popular dalam kalangan masyarakat di Daerah Kecil Matunggong Kudat	47
Jadual 4.9: Skala likert	48
Jadual 4.10: Tahap min	49

Jadual 4.11: Nilai min, tahap keperluan dan nilai sisihan piawai 49-50 keperluan portal berita dalam kalangan masyarakat di Daerah Kecil Matunggong, Kudat	
Jadual 4.12 : Keperluan Kognitif dalam kalangan masyarakat di Daerah Kecil Matunggong Kudat	52
Jadual 4.13: Keperluan Afektif Dalam Kalangan Masyarakat di Daerah Kecil Matunggong, Kudat	54
Jadual 4.14: Keperluan Penyepaduan Sosial Dalam Kalangan Masyarakat di Daerah Kudat	56
Jadual 4.15: Keperluan Penyepaduan Diri Dalam Kalangan Masyarakat di Daerah Kudat	58
Jadual 4.16 : Keperluan pelepasan diri dalam kalangan masyarakat di Daerah Kecil Matunggong, Kudat	60
Jadual 4:17: Nilai min, tahap kegunaan dan sisihan piawai kegunaan Dalam Kalangan Masyarakat di Daerah Kudat	62-63
Jadual 4.18: Kegunaan pencarian maklumat dalam kalangan masyarakat di Daerah Kecil Matunggong, Kudat	64
Jadual 4.19: Kegunaan Identiti Personal Dalam Kalangan Masyarakat di Daerah Kecil matunggong Kudat	66
Jadual 4:20 Kegunaan Hiburan dalam Kalangan Masyarakat di Daerah Kecil Matunggong, Kudat	68
Jadual 4.21: Kegunaan pembelajaran dalam kalangan masyarakat di Daerah Kecil Matunggong Kudat	70

Jadual 4.22: Nilai min, tahap kepuasan dan nilai sisihan piawai kepuasan portal berita dalam kalangan masyarakat di daerah Kecil Matunggong, Kudat	72-73
Jadual 4.23: Kepuasan interaktiviti dalam kalangan masyarakat di Daerah Kecil Matunggong Kudat	75
Jadual 4.24: Kepuasan pengawasan dalam kalangan masyarakat di Daerah Kecil Matunggong, Kudat	77
Jadual 4.25: Kepuasan kawalan dalam kalangan masyarakat di Daerah Kecil Matunggong, Kudat	78-79
Jadual 4.26: kepuasan mudah dalam kalangan masyarakat di Daerah Kecil Matunggong, Kudat	80



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI RAJAH/FOTO

<b>Rajah/Foto</b>	<b>Halaman</b>
Rajah 2.1 Model kajian	14
Rajah 3.1 Jadual Persampelan Krejcie & Morgan (1970)	26
Rajah 3.2 Prosedur analisis data	31



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI SINGKATAN

U&G: Uses and Gratification Theory



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI SIMBOL

**$f$**  - Kekerapan

**$N$**  - Jumlah Keseluruhan

**%** - Peratus

**$M\mu$**  -Min

**$SD \sigma$**  - Sisihan piawai



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A: Borang Soal Selidik



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Sebelum menjelaskan dengan lebih terperinci lagi adalah lebih baik jika dijelaskan serba-sedikit mengenai maksud masyarakat. Menurut Jevi (2021) perkataan masyarakat adalah berasal daripada perkataan Arab iaitu *musyrak* yang membawa maksud hubungan dan interaksi. Secara umumnya masyarakat boleh diertikan sebagai sekumpulan atau sekelompok masyarakat manusia atau individu yang hidup bersama di sesuatu tempat dan saling berhubung antara satu sama lain. Masyarakat juga adalah sekumpulan individu yang mempunyai kesamaan dari segi sikap, tradisi dan budaya. Oleh itu, kajian terhadap kegunaan dan kepuasan portal berita adalah akan dijalankan ke atas sekelompok individu yang tinggal bersama di Daerah Kecil Matunggong Kudat.

Dalam era digital ini, portal berita adalah tidak asing lagi. Portal berita merupakan satu web yang boleh dilihat atau temui dalam web browser. Ianya boleh diakses secara atas talian melalui peranti elektronik seperti komputer riba, telefon pintar, tablet dan lain-lain. Portal berita juga boleh membawa maksud sebagai suatu media massa yang berbentuk web yang bertujuan untuk menyampaikan informasi secara digital dengan maksud atau tujuan sebagai media komunikasi dan informasi. Portal berita akan menyiarkan berita yang sama seperti berita yang dicetak menjadi surat khabar namun ianya berbentuk secara digital tetapi walau bagaimanapun kesahihan sesuatu berita yang disiarkan secara atas talian adalah masih diragui kesahihannya oleh pembaca. Sebelum adanya portal berita pada ketika dahulu informasi disampaikan melalui akbar atau juga lebih dikenali sebagai surat khabar. Menurut Hasim, (2016) akhbar pertama yang telah dikesan di Malaysia ialah Prince Of ales Island Gazette yang mana ianya pertama kali dicetak pada tahun 1805 di Pulau Pinang. Akhbar ini dicetak dalam bahasa Inggeris kerana surat khabar ini adalah berkhidmat untuk kerajaan Kolonial British di Tanah Melayu. Kandungan akhbar ini adalah

menyasarkan golongan individu yang mahir berbahasa Inggeris. Seterusnya, antara akhbar terawal yang ada di Malaysia yang pada ketika itu dikenali Tanah di Melayu ialah *Singapore Chronicle* yang terbitkan pada tahun 1824, *The Straits Times* yang pertama kalinya diperkenalkan pada tahun 1845, *Malay Mail* diperkenalkan pada tahun (1896) dan *Jawi Peranakan* yang diterbitkan pada tahun 1876. Kesemua akhbar itu adalah telah wujud sebelum abad ke-19. Setelah beralih kepada era moden terdapat banyak portal berita yang telah diperkenalkan. Sebagai contoh, Malaysiakini yang boleh diakses melalui pautan [malaysiakini.com](http://malaysiakini.com), portal berita The Star yang boleh diakses melalui pautan [thestar.com.my](http://thestar.com.my), portal Berita Harian yang boleh diakses melalui pautan [bharian.com.my](http://bharian.com.my) dan banyak lagi portal berita lain yang terdapat di Malaysia. Berita yang disiarkan secara atas talian adalah boleh diakses dengan mudah dan pantas oleh sesiapa sahaja. Oleh itu, pengkaji tertarik untuk mengkaji mengenai tahap kegunaan dan kepuasan portal berita dalam kalangan belia di Daerah Kecil Matunggong, Kudat.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Kemerosotan surat khabar bercetak akibat daripada kewujudan portal berita yang kini semakin mendapat tempat di hati pengguna telah menyebabkan saya tertarik untuk membuat kajian ini yang mana saya ingin mengambil tahu tentang keperluan portal berita, faktor kegunaan portal berita dan juga bentuk kepuasan yang telah diperoleh oleh pengguna portal berita. Dengan menjalankan kajian ini saya akan dapat mengetahui mengapa portal berita semakin mendapat tempat dalam kalangan pengguna berbanding dengan surat khabar bercetak. Kajian ini juga telah mendapat inspirasi daripada kajian-kajian lepas yang pernah dilakukan. Setelah membaca kajian-kajian lepas mengenai kegunaan dan kepuasan portal berita terhadap sesuatu populasi, ianya telah menarik minat saya untuk membuat kajian dengan tajuk yang sama namun tempat kajian dan sampel kajian yang berbeza. Dengan adanya kajian ini ianya dapat membantu untuk mendapatkan maklumat baharu.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Dalam era digital kini portal berita adalah tidak asing lagi dalam kalangan belia hari ini. Terdapat banyak portal berita yang ada di Malaysia. Portal berita merupakan berita yang dipaparkan secara digital yang mana ianya boleh diakses secara atas talian melalui peranti elektronik seperti telefon pintar, tablet dan sebagainya. Antara contoh portal berita yang ada di Malaysia ialah *Berita Harian Online*, *Malaysiakini*, *Sabah Times*, *The Star*, *Metro Harian* dan banyak lagi. Pada masa kini hampir semua syarikat pencetakan surat khabar mempunyai portal berita atas talian mereka tersendiri. Akses terhadap portal berita dalam kalangan masyarakat pada masa kini adalah sangat mudah kerana hampir setiap individu dewasa mempunyai peranti elektronik terutamanya telefon pintar. Hal ini demikian kerana, telefon pintar pada masa ini merupakan salah satu alat berkomunikasi utama dalam kalangan masyarakat.

Hasil kajian mendapati bahawa wujud pelbagai risiko dan ancaman terhadap kewartawanan Malaysia terutama dengan kemunculan internet dan akhbar *online*. Dari perspektif pembaca pula, memang akhbar *online* adalah sangat popular dalam kalangan pembaca muda yang merupakan segmen pembaca terpenting akhbar (Othman et al., 2018). Pada era digital ini surat khabar bercetak sudah tidak lagi mendapat tempat di hati masyarakat ataupun pengguna. Berdasarkan laporan Sinar Harian yang ditulis oleh Wartawan Zulkhairil Zainuddin pada 30 September 2019 industri surat khabar di Malaysia ketika ini semakin suram. Penjualan surat khabar di semua syarikat surat khabar semakin berkurang yang mana ianya menunjukkan pengurangan dalam kadar 10 peratus bagi setiap tahun. Bukan itu sahaja, dalam laporan Sinar Harian juga ada menyatakan kenyataan di mana Tokoh wartawan Negara iaitu Tan Sri Jaaffar ada menjelaskan bahawa "industri surat khabar pada masa kini diibaratkan seperti industri senja dan ia sedang menuju penamatnya."

Kemerosotan surat khabar bercetak bukan sahaja hanya di Malaysia namun begitu juga di negara-negara luar. Sebagai contoh, di Amerika Syarikat juga menunjukkan jualan akhbar-akhbar utama dalam tempoh sepuluh tahun kebelakangan ini menunjukkan tanda kemerosotan yang membimbangkan. Laporan ABC negara itu yang dikeluarkan pada Julai 2009 menunjukkan bahawa akhbar The New York Post mengalami kemerosotan sebanyak 20.6 peratus, manakala The Daily

News pula merosot sebanyak 14.5 peratus, dan USA Today merosot 7.5 peratus (ABC US, 2010 seperti dalam Shahrul Nazmi & Normah, 2015).

Secara realitinya, akses portal berita dalam kalangan masyarakat di seluruh negara termasuklah masyarakat di Daerah Kecil Matunggong, Kudat adalah tidak boleh dinafikan. Hal ini demikian kerana, menerusi sorotan kepustakaan didapati bahawa orang ramai suka berkongsi pautan-pautan berita melalui aplikasi *WhatsApp* terutamanya dalam *WhatsApp Group*. Menurut Lindawati (2015), akses terhadap portal berita dalam kalangan belia adalah sangat tinggi yang mana hasil kajiannya menunjukkan bahawa 97.1% dalam kalangan respondennya yang mendapatkan berita daripada portal berita. Seterusnya, berdasarkan laporan Malaysian Communication and Multimedia Commission 2020, (MCMC) sebanyak 66.9% pengguna internet yang melayari portal berita dan berkongsi berita secara atas talian yang mana sebanyak 86.5% pengguna berkongsi berita melalui media sosial manakala peratusan pengguna internet yang berkongsi berita secara atas talian pada tahun 2017 adalah sebanyak 63.9% (*Malaysian Communications And Multimedia Commission (MCMC), 2018*). Berdasarkan statistik pada tahun 2018 dan 2020 akses terhadap portal berita di kalangan pengguna Internet di Malaysia adalah tidak begitu konsisten.

Akibatnya, daripada pola akses portal berita yang tidak konsisten tahap kegunaan dan kepuasan dalam kalangan belia adalah sukar untuk dijangka. Begitu juga dengan tahap kegunaan dan kepuasan di kalangan masyarakat di Daerah Kecil Matunggong, Kudat dalam mengakses portal berita belum diketahui kerana belum ada sebarang kajian berkaitan dijalankan di lokaliti tersebut dan ianya menyebabkan maklum balas mengenai kelebihan dan kekurangan portal berita yang ada pada masa kini turut tidak diketahui. Maka dengan itu, usaha untuk menambah baik portal tidak berlaku. Sebagai contoh, masih terdapat masalah mengenai sesebuah portal berita sering mengeluarkan kandungan berita yang tidak bermakna bagi pembaca.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti pola akses kepada berita dalam kalangan masyarakat di Daerah Kecil Matunggong, Kudat. Selain itu, kajian ini

juga dapat membantu untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong pada belia di Kudat untuk melakukan akses pada portal berita. Akhir sekali, kajian ini juga dapat membantu untuk tahap dan jenis-jenis kepuasan diperoleh daripada pembacaan berita atas talian dalam kalangan belia di Kudat.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Terdapat tiga persoalan kajian yang terdapat dalam kajian ini:

1. Apakah keperluan yang mendorong kepada penggunaan Portal Berita dalam kalangan masyarakat di Daerah Kecil Matunggong, Kudat.
2. Apakah faktor kegunaan portal berita dalam kalangan masyarakat di Daerah Kecil Matunggong, Kudat.
3. Apakah bentuk kepuasan yang diperoleh daripada pembacaan berita atas talian dalam kalangan masyarakat di Daerah Kecil Matunggong, Kudat.


#### **1.5 Objektif Kajian**

Kajian ini mempunyai tiga objektif kajian yang hendak dicapai. Berikut merupakan ketiga-tiga objektif kajian ini:

1. Mengetahui keperluan yang mendorong penggunaan Portal Berita Dalam Kalangan masyarakat Di Daerah Kecil Matunggong, Kudat.
2. Mengetahui faktor kegunaan Portal Berita dalam kalangan masyarakat di Daerah Kecil Matunggong, Kudat.
3. Mengetahui bentuk kepuasan diperoleh daripada pembacaan berita atas talian dalam Kalangan masyarakat di Daerah Kecil Matunggong, Kudat.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini adalah penting untuk dijalankan kerana ianya dapat menambah dokumentasi mengenai kajian yang menggunakan teori kegunaan dan kepuasan dan ianya juga dapat menambah dokumentasi mengenai isu-isu berkaitan dengan portal berita. Kajian ini adalah dijalankan untuk mencapai tujuan dan objektif kajian yang mana ianya dapat membantu untuk memberi maklumat baharu mengenai keperluan yang mendorong penggunaan portal berita, faktor kegunaan portal berita dan bentuk kepuasan yang diperoleh daripada penggunaan portal berita. Kajian ini juga dapat memberi maklumat kepada syarikat percetakan berita iaitu menerusi tahap kepuasan yang diperoleh daripada pembacaan berita atas talian. Oleh itu, mereka boleh membuat penyesuaian atau proses menambah baik portal berita mereka. Bukan itu sahaja, kajian ini juga adalah sangat penting kerana ianya dapat membantu dalam memperoleh maklumat mengenai kegunaan dan kepuasan terhadap portal berita dalam kalangan masyarakat di lokasi kajian yang terletak di kawasan luar bandar. Kajian ini juga merupakan kajian pertama mengenai kegunaan dan kepuasan portal berita yang dilakukan di Daerah Kecil Matunggong Kudat dengan itu ianya sudah tentu dapat memberi maklumat baharu mengenai topik yang dikaji. Oleh itu, jelaslah bahawa kajian ini adalah penting untuk dijalankan.



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## 1.7 Skop Kajian


Pertama sekali skop kajian yang akan saya lakukan ini adalah sepenuhnya berlandaskan kepada tiga objektif yang telah saya tetapkan iaitu mengenalpasti keperluan yang mendorong penggunaan portal berita dalam kalangan masyarakat di Daerah Kecil Matunggong, Kudat, kedua ialah mengenalpasti faktor kegunaan portal berita dan objektif yang terakhir ialah mengenalpasti bentuk kepuasan diperoleh daripada pembacaan berita atas talian. Ketiga-tiga objektif di atas merupakan panduan yang akan digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian ini.

Seterusnya, lokasi kajian bagi kajian saya ialah di sebuah daerah kecil yang terletak di sebelah Pantai Barat Utara Sabah iaitu daerah Kecil Matunggong, Kudat. Daerah kecil ini adalah terletak di pertengahan antara daerah Kudat dan daerah Kota Marudu yang mana ianya terletak 36 km ke Kota Marudu sebelah Selatan dan 42 km ke daerah Kudat sebelah Utara. Keluasan daerah kecil ini adalah kira-kira dalam 102 batu persegi. Kajian ini hanya tertumpu di dalam daerah Kecil Matunggong, Kudat sahaja. Saya memilih daerah Kecil Matunggong, Kudat sebagai lokasi kajian saya kerana daerah ini masih belum ada kajian mengenai kepuasan dan kegunaan portal berita dalam kalangan belia dijalankan. Dengan itu ianya menarik minat saya untuk membuat kajian di lokasi tersebut agar dapat mengeluarkan satu input baharu.

Seterusnya, kajian ini menggunakan skop kajian yang sederhana. Kajian ini memerlukan 379 orang untuk dijadikan sebagai sample kajian ini. Hal ini demikian kerana, Daerah Kecil Matunggong, Kudat merupakan satu kawasan yang kecil. Kajian ini adalah tidak terbatas terhadap satu jantina sahaja yang mana responden adalah dipilih secara rawak iaitu. Kajian ini juga hanya dibuat dalam kalangan masyarakat Daerah Kecil Matunggong, Kudat yang mempunyai peranti elektronik yang membolehkan mereka mengakses portal berita seperti telefon pintar, komputer riba, *Ipad* dan sebagainya.

## **1.8 KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji keperluan, kegunaan dan kepuasan terhadap portal berita dalam kalangan masyarakat yang tinggal di Daerah Kecil Matunggong, Kudat. Terdapat tiga objektif kajian ini iaitu mengenalpasti keperluan penggunaan portal berita dalam kalangan belia di Daerah Kecil Matunggong, Kudat, mengenalpasti faktor kegunaan yang mendorong mengakses portal berita dalam kalangan masyarakat di Daerah Kecil Matunggong, Kudat dan mengenalpasti bentuk kepuasan diperoleh daripada pembacaan berita atas talian dalam kalangan belia Daerah Kecil Matunggong, Kudat. Pengkaji tertarik untuk membuat kajian di daerah Kecil Matunggong, Kudat kerana belum ada lagi kajian seperti ini yang dilakukan di lokasi tersebut. Pengkaji juga ingin melihat keperluan, kegunaan dan kepuasan terhadap portal berita dalam kalangan belia yang tinggal di kawasan luar bandar. Jika kajian ini berjaya dijalankan ianya akan membawa kepada banyak kebaikan contohnya, dapat menambah dokumentasi mengenai teori kegunaan dan kepuasan. Oleh itu, saya berharap agar kajian dapat dijalankan dengan jayanya agar ini dapat memberi sumbangan kepada masyarakat.



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH